

18/07/1999

Kematangan, sikap berkompromi wujud dalam MCA

Ebi Azly Abdullah; Johny Giles Senin

PEMILIHAN bagi merebut jawatan tinggi sempena Perhimpunan Agung MCA ke-46 yang bermula semalam, jelas memperlihatkan kematangan ahli parti itu. Hanya kedudukan naib presiden yang ditandingi lima calon termasuk empat penyandang dan pemilihan ketua pemuda dan wanita saja menyaksikan pertandingan.

Saingan sengit yang dikatakan akan berlaku bagi merebut 25 Jawatankuasa Pusat (CC) MCA pula, ternyata meleset apabila hanya 25 nama yang dicalonkan ketika tempoh penamaan ditutup petang Isnin lalu, dengan dua lagi calon menarik diri.

Inilah kali pertama tiada pertandingan bagi kerusi berkenaan dalam sejarah parti ini yang mencapai usia 50 tahun pada Februari depan.

Tahap kematangan yang lebih tinggi itu, jelas menggembirakan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik. Beliau gembira kerana peralihan pemimpin yang berlaku dalam MCA sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dijalankan dalam suasana harmoni malah ada yang tidak membabitkan sebarang pertandingan.

Apa yang diperlihatkan melalui senario baru dalam parti itu ialah peningkatan tahap disiplin dan kematangan ahli yang sentiasa mengamalkan sikap tolak ansur serta bersedia memberi peluang kepada pemimpin untuk memimpin. Dr Ling berpendapat, ahli MCA kini boleh menerima falsafah bahawa pemilihan ialah proses mengenal pasti dan memilih pemimpin bukannya untuk menjatuhkan satu sama lain yang boleh menyebabkan berlaku perpecahan dalam parti.

"Pemilihan dalam MCA kali ini amat bersih, tiada surat layang atau tindakan memburuk-burukan pemimpin lain. Sebaliknya pemimpin boleh menilai peluang mereka untuk terpilih dengan melihat semula khidmat yang sudah diberikan sebelumnya sepanjang mereka menjawab jawatan itu," katanya dalam temubual di pejabatnya, baru-baru ini.

Dr Ling memberi contoh pertandingan di peringkat bahagian dan negeri, yang menyaksikan hampir semua iaitu 96 peratus jawatan di peringkat cawangan tiada pertandingan, peringkat bahagian lebih 75 peratus dan lebih 80 peratus di peringkat negeri juga tiada pertandingan.

Bagaimanapun, katanya, itu tidak bermakna tiada perubahan dalam kedudukan jawatan dalam parti sebaliknya menggambarkan kesanggupan dan kesediaan pemimpin memberi laluan kepada pemimpin yang lebih muda.

"Ia berlaku kerana pemimpin MCA faham bahawa mereka tidak hanya memimpin sebaliknya pemimpin perlu melatih, mendidik dan mendedahkan golongan muda untuk menimba pengalaman supaya mampu untuk mengambil tugas itu daripada mereka nanti.

"Dan apabila mereka sudah menimba cukup pengalaman serta pendedahan dan sudah melalui ujian bagi bakat kepemimpinan mereka itu, serta cukup bersedia untuk memimpin kita patut memberikan peluang bila tiba masanya," katanya.

Bagaimanapun, memberi laluan kepada muka baru tanpa pertandingan bukan mencerminkan ketiadaan amalan demokrasi, sebaliknya satu aspek kompromi yang positif.

Dr Ling mengakui ada golongan tertentu yang mengkritik budaya itu serta menyifatkannya sebagai perkembangan yang tidak sihat dalam proses memilih pemimpin. Walaupun tiada pertandingan untuk beberapa jawatan tertinggi dalam parti, tidak bermaksud MCA tidak mampu melahirkan pemimpin baik atau pun menolak amalan demokrasi dalam parti itu.

Sebaliknya, beliau menyifatkannya perkembangan positif yang menunjukkan kematangan dan amalan sikap kompromi dalam parti yang sedia berundur untuk memberi laluan kepada pemimpin lain.

Pemimpin kanan MCA itu yakin parti itu mempunyai barisan pemimpin yang baik, kerana jumlah ahli sentiasa bertambah.

"Saya pasti orang ramai tidak akan ingin menyertai parti yang tidak stabil pada pandangan mereka seperti yang berlaku kepada DAP kini. Itu juga gambaran yang menunjukkan MCA kini stabil dan bersatu padu.

"Dan tiadanya pertandingan menunjukkan kematangan seperti yang sudah dinyatakan lebih awal, iaitu pemimpin lama sentiasa memberi laluan kepada pemimpin baru untuk memimpin parti itu bila tiba masanya untuk mereka berbuat demikian," katanya.

Dalam konteks ini, golongan pemimpin muda (pelapis) MCA seharusnya menyokong ketua masing-masing serta menerima tunjuk ajar, yang boleh membantu melatih diri apabila mengambil alih jawatan berkenaan, itu apabila tiba masanya. Begitulah cara seterusnya peralihan pucuk kepimpinan yang harus diamalkan sekarang.

Senario baru yang berlaku dalam MCA itu menggambarkan keadaan demokrasi yang sering diucapkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad, bahawa 'Amalan demokrasi sepatutnya membawa kebaikan, keharmonian dan kestabilan serta pembangunan secara menyeluruh untuk organisasi bukannya kehancuran dan pepecahan'.

"Ini kerana jika pertandingan dalam usaha memilih pemimpin membawa kepada perpecahan dan pertelagahan dalam parti maka ia menepati tujuan amalan demokrasi sebenarnya," tegas Dr Ling.

Bercakap mengenai peranan MCA secara menyeluruh dalam membina sebuah masyarakat majmuk di negara ini, Dr Ling berpendapat MCA mungkin kelihatan sebagai parti perkauman Cina, tetapi ia lebih daripada itu.

"Sebenarnya kita adalah parti berbilang kaum, boleh berkhidmat serta menerima kaum lain dalam program pembangunan negara," katanya. Ini terbukti dalam program tertentu, apabila MCA bukan hanya membantu menyelesaikan atau bercakap mengenai isu yang membabitkan orang Cina sahaja tetapi turut merangkumi keseluruhan masyarakat negara ini.

Misalnya melalui Projek Langkawi, ia adalah untuk semua lapisan masyarakat negara ini dan bukan hanya untuk orang Cina. Menerusi perkembangan Kolej Tunku Abdul Rahman (TAR Kolej) tajaan MCA di seluruh negara pula, institusi itu memberikan perkhidmatan pendidikan kepada semua lapisan masyarakat.

Merujuk kepada konsep hubungan antara kaum pula, Dr Ling berkata hasrat MCA ialah untuk mewujudkan jalinan persahabatan bukan kerana seseorang itu sebangsa atau sekaum, tetapi yang penting ialah penerimaan terhadap sikap dan persamaan masing-masing.

Pandangan Presiden MCA itu penting dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak menjelang alaf baru nanti yang tidak mengenal sempadan, bangsa atau agama, tetapi menuntut sikap adil dalam penilaian seseorang itu.

Ini kerana pendekatan politik berbentuk perkauman seumpamanya tidak lagi mendapat tempat dalam masyarakat negara ini kini biarpun dalam masyarakat Cina. Dan perkara ini diakui oleh Dr Ling sendiri.

"Seharusnya kita 'tidak mengambil kira garis pemisah itu' dalam pergaulan seharian atau untuk menentukan kawan supaya boleh hidup dengan harmoni," katanya.

Mengulas berkenaan penggantinya Ling berkata sesiapa sahaja boleh memimpin MCA pada masa akan datang, tetapi beliau seseorang yang bersikap sederhana dan mampu bekerjasama dengan kaum lain di negara ini.

"Sebagai pemimpin, mereka adalah jurutera yang akan membentuk dan membina negara ini. Kerjasama dengan Umno, MIC dan Gerakan perlu diteruskan di samping terus mengaburkan garis perkauman dan etnik yang

tidak sepatutnya wujud.

"Jangan ada 'primadona' dalam parti, sebaliknya semua orang adalah pemain dalam pasukan ini dan tugas perlu dibahagikan mengikut kemampuan seseorang itu," katanya.

Menyentuh ketibaan pilihan raya umum nanti, Dr Ling berkata walaupun masih wujud cabaran getir daripada pihak pembangkang, beliau yakin Barisan Nasional (BN) akan mencapai kejayaan dua pertiga.

"Kita perlu melihat diri kita dan pihak lawan. Dan saya percaya dengan pembangunan dan kemakmuran yang sudah dibawa oleh BN selama ini, memberi keyakinan kepada rakyat untuk terus memilih kerajaan yang ada sekarang," katanya.

Menurutnya, keadaan itu ketara bagi kerusi MCA sekarang, yang sebelum ini bekas kerusi DAP yang gagal membawa sebarang pembangunan bagi kawasan itu selama ini.

"Dan apabila orang kita (MCA) mengambil alih, kita membawa pembangunan dan memperbaiki kawasan berkenaan. Kita membuka pusat perkhidmatan untuk masyarakat di situ.

"Apabila mereka melihat kemampuan dan perpaduan MCA, maka mereka dengan sendirinya pada pilihanraya seterusnya akan memberi peluang kepada kita untuk tempoh lima tahun lagi," katanya.

Dr Ling tidak menafikan kepentingan parti pembangkang, tetapi ia harus bersifat 'membina, bukan memusnahkan'.

"Perlu kita ingat bahawa memang senang untuk menghancurkan atau memusnahkan sesuatu itu tetapi adalah amat sukar untuk membinanya yang memakan banyak masa," katanya.

(END)